



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

SIARAN MEDIA

BIL. 12/ 2018

SPR PAMER SENARAI TUNTUTAN DAFTAR PEMILIH BAGI TEMPOH SUKU TAHUN KEEMPAT 2017

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) ingin memaklumkan bahawa selaras dengan peruntukan Peraturan 14(3) Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002, **SPR kini sedang mempamerkan Senarai Tuntutan bagi** Rang Daftar Pemilih Tambahan (DPT) Suku Tahun Keempat 2017 (ST4/2017) **di semua Pejabat Pendaftaran Pemilih Negeri (Pejabat Pilihan Raya Negeri) di seluruh negara selama tujuh (7) hari mulai 13 Februari hingga 19 Februari 2018.**
2. Pameran senarai tuntutan tersebut mempamerkan nama mana-mana orang yang telah mengemukakan permohonan pendaftaran baru atau pendaftaran pertukaran bahagian pilihan raya, tetapi mendapati namanya telah tidak dipamerkan pada pameran Rang DPT ST4/2017 yang telah dibuat pada 17 Januari hingga 30 Januari 2018 selaras dengan peruntukan Peraturan 13, Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002, di 961 tempat-tempat pameran di seluruh Negara.
3. Sehubungan dengan itu, SPR menyeru kepada semua pemilih yang telah mengemukakan tuntutan tersebut supaya membuat

semakan nama mereka di **Pejabat Pendaftar Pemilih Negeri yang berkenaan.**

4. Sebarang pertanyaan mengenai pameran Senarai Tuntutan bagi ST 4/2017 itu boleh menghubungi Ibu Pejabat SPR melalui nombor telefon **03-88927018** atau menghubungi mana-mana Pejabat Pilihan Raya Negeri pada hari bekerja dan waktu pejabat.

Sekian, terima kasih.

Dikeluarkan oleh:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR)
Malaysia

PUTRAJAYA

Tarikh: 13 Februari 2018 / 27 Jamadil Awwal 1439H